

Perkongsian Pintar Dapat Tingkat Nilai Tanah Rizab Melayu, Kata Wahid

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perkongsian pintar melibatkan tanah rizab Melayu boleh meningkatkan nilainya tanpa menjejaskan status tanah berkenaan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Beliau berkata walaupun peruntukan tanah rizab Melayu sebelum ini dilihat sebagai penghalang, perkongsian dalam pembangunan pusat pakar baharu bernilai RM368 juta di Sungai Penchala menjadi contoh baik yang boleh memberi inspirasi kepada orang lain.

Abdul Wahid berkata projek itu bukan sahaja meningkatkan nilai tanah tetapi akan mempunyai kesan limpahan ke atas kawasan sekitarnya kerana ekonomi setempat akan mendapat manfaat, di samping meningkatkan pemilikan Bumiputera dan penyertaan dalam hartanah Malaysia.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) tiga pihak antara KPJ Healthcare Bhd (KPJ), Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Nadayu Properties Bhd (Nadayu), untuk membangunkan Hospital Pakar KPJ Damansara berhampiran kawasan komersil Mutiara Damansara.

Projek itu yang akan bermula pada 2015 dan dibangunkan oleh Nadayu di kawasan seluas 2.80 ekar (1.13 hektar) di tanah rizab Melayu di Bukit Lanjan yang kini dimiliki oleh PHB, dijangka siap pada 2018.

Hospital dengan 300 katil itu akan dipajakkan oleh PHB ke KPJ, penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan terkemuka di Malaysia, sebagai pengendali.

"Perkongsian pintar antara syarikat-syarikat dan organisasi ini dalam sektor swasta dan kerajaan adalah contoh yang baik dalam pewujudan nilai dan ekonomi," katanya kepada pemberita.

Abdul Wahid berkata pembangunan tanah rizab Melayu itu harus dilihat sebagai satu usaha untuk menyediakan pembangunan ekonomi yang mampan untuk Bumiputera.

"Saya berharap syarikat Bumiputera akan terus melaksanakan usaha untuk membangunkan tanah status rizab Melayu dan meningkatkan utiliti ekonomi dan nilai untuk kepentingan semua yang berkepentingan.

"Bagaimanapun, kita perlu memastikan Bumiputera sendiri tidak diketepikan dan terus bekerja dan tinggal di tahap baru pembangunan ini.

"Pemaju perlu memastikan rumah mampu milik mencukupi dari segi jumlah dan harganya," kata beliau.

Menteri itu berkata memandangkan senario ekonomi semasa dan penekanan Kerajaan terhadap keterangkuman dan Agenda Bumiputera, usaha untuk mengoptimumkan nilai dan penggunaan tanah rizab Melayu harus menjadi salah satu mekanisme utama untuk mengukuhkan penglibatan Bumiputera dalam hartanah dan penyertaan mereka dalam ekonomi.